

14 NOV 2001

Sarawak-Jurutera

SARAWAK AKAN AMBIL JURUTERA LUAR

KUCHING, 14 Nov (Bernama) -- Sarawak yang dijangka memerlukan kira-kira 10,000 jurutera dalam tempoh 10 tahun yang akan datang, akan membuka pintunya kepada jurutera luar bagi mengatasi kekurangan tenaga profesional itu.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini berkata jurutera sangat-sangat diperlukan dalam bidang elektronik, awam, perparitan dan dan saluran berikutan pembangunan pesat di negeri ini, terutama pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam.

"Kita perlu mengambil jurutera berasaskan keperluan kita... saya tidak fikir penduduk tempatan kisah kemasukan jurutera tambahan ke negeri ini tetapi jika kita tidak menghadapinya, ia tentu berbeza," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku "From Bamboo To Broadband - A Century Of Engineering in Sarawak 1900-2000" di sini.

Buku itu yang dijual pada harga RM168 senaskah, dihasil dan diterbitkan oleh Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM), cawangan Sarawak.

Abdul Taib berkata Sarawak perlu mengeluarkan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada 100,000 jurutera yang diperlukan di negara ini dalam dekad yang akan datang seperti yang digariskan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang 3 (OPP3).

Pada masa ini, Sarawak mempunyai 1,000 jurutera dan seperti kebanyakan negara membangun lain, masalah kekurangan jurutera adalah ketara, katanya.

Abdul Taib juga berkata penyusunan semula Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri penting kerana ia perlu menjadi pemimpin dalam pembangunan negara.

Beliau memetik projek bendungan rendah Sungai Sarawak di sini dan pelabuhan Kuala Baram, Miri sebagai antara cabaran paling besar yang dihadapi oleh JKR.

Mengenai buku itu, beliau yakin ia akan mendorong pelajar yang mahir dalam matapelajaran sains dan matematik mengetengahkan idea mereka secara konkrit.

Buku itu memaparkan sejarah bidang kejuruteraan di Sarawak selain teknologi kejuruteraan asli dan mengetengahkan sumbangan profesion itu kepada pembangunan infrastruktur dan sosial di negeri ini.

-- BERNAMA

CJ LAT